



Misi Memburu Emas Olimpik

Oleh Mus Lakawa

Dua pingat perak dan dua pingat gangsa - itulah jumlah rasmi kutipan pingat yang mampu diraih oleh atlet Malaysia sejarah temasya Sukan Olimpik setakat ini. Dianjurkan empat tahun sekali, temasya sukan ini paling berprestij bagi atlet di seluruh dunia.

Setakat ini, Malaysia pernah terlepas daripada menyertai temasya tersebut, kecuali pada 1980 apabila kontinjen negara memboikot Sukan Olimpik Moscow ekoran pencerobohan Kesatuan Soviet ke atas Afghanistan. Walau bagaimanapun, sejak penganjuran Sukan Olimpik pada 1956, ketika Melbourne dan Stockholm berkongsi menjadi tuan rumah, Malaysia sentiasa komited menghantar atlet terbaik negara "bertarung" dengan misi untuk berdiri sama tinggi dan duduk

sama rendah bersama-sama kuasa besar dunia.

Mengimbas kembali sejarah, pengasas Sukan Olimpik moden, Pierre de Coubertin, yang juga merupakan empat tahun sekali, temasya sukan ini paling berprestij bagi atlet di seluruh dunia.

Hakikatnya, keputusan de Coubertin untuk menghidupkan semula sukan yang bertapak sejak 776 Sebelum Masihi, berubah kepada Sukan Olimpik moden pada 1896 semata-mata untuk mengiktiraf atlet dari seluruh negara menerusi satu kejohanan pada tahap yang tertinggi.

Di Malaysia, kerajaan meletakkan tanggungjawab tersebut di bahu Majlis Olimpik Malaysia (MOM). Keseriusan Malaysia ditunjukkan apabila ratusan juta

ringgit dilaburkan oleh kerajaan untuk menghadapi temasya Sukan Olimpik. Bahkan, pendekatan ilmiah menerusi pengenalan pelbagai program, seperti Road To London 2012, merupakan langkah jangka panjang yang diusahakan bersama-sama oleh Kementerian Belia dan Sukan, Majlis Sukan Negara dan MOM. Tujuan utamanya hanya satu, memastikan lagu *Negaraku* berkumandang semasa temasya Olimpik sambil didengar oleh rakyat di seluruh dunia.

Persoalannya, mampukah impian itu menjadi realiti? Atau harapan untuk atlet negara bersinar di pentas Olimpik hanya angan-angan kosong.

Sejak menyertai Sukan Olimpik, Malaysia hanya mampu membawa pulang dua pingat perak dan dua pingat gangsa. Yang menariknya, empat pingat tersebut hadir dalam jenis sukan yang sama, iaitu sukan badminton. Pingat pertama, iaitu pingat gangsa disumbangkan oleh pasangan adik beradik, Razif Sidek dan Jalani Sidek pada Sukan Olimpik 1992, di Barcelona. Kemudian, kejayaan itu diikuti Rashid yang memenangi pingat gangsa dalam acara perseorangan badminton pada Sukan Olimpik di Atlanta 1996. Di pentas yang sama, pasangan beregu Cheah Soon Kit dan Yap Kim Hock turut menghidaihi negara pingat perak. Pada 2008, menerusi Sukan Olimpik Beijing, ikon badminton negara, Datuk Lee Chong Wei memberikan sedikit sinar apabila membawa pulang pingat perak dalam acara perseorangan badminton.

Dengan hanya berbeki lima bulan sebelum berlangsungnya Sukan Olimpik edisi ke-30 di kota London, Malaysia sekali lagi melancarkan strategi untuk menamatkan penantian kilauan emas pada temasya tersebut. Banyak pihak yakin bahawa Malaysia mampu membawa pulang pingat emas pertama.

Keyakinan itu bersandarkan kualiti dan kebolehan yang dimiliki atlet tempatan sekarang yang disifatkan antara yang terbaik di dunia, misalnya Chong Wei yang merupakan pemain perseorangan badminton nombor satu

Chong Wei dan Azizulhasni yang sememangnya mampu menewaskan mana-mana atlet bertaraf dunia, namun belum mampu diterjemahkan di Sukan Olimpik.

dunia; atlet sukan berbasikal, Mohd. Azizulhasni Awang dan ratu terjun berbakat, Pandalela Rinong. Keyakinan ini turut disokong dengan peningkatan yang memberangsangkan daripada beberapa sukan pilihan, seperti memanah, terjun, hoki dan bola sepak yang dianggap mampu mengangkat maruah Malaysia setanding dengan negara lain.

Melihat kembali program Road To London 2012 yang dilancarkan pada 19 Februari 2009, usaha tersebut dilakukan untuk merealisasikan impian negara meraih emas di Sukan Olimpik. Menerusi program tersebut, sukan terpilih, seperti badminton, memanah, berbasikal dan akuatik diberikan penekanan sebagai sukan kelas "A" yang disertai atlet negara yang mencatat prestasi terbaik.

Rekod sebelum ini turut membuktikan bahawa Malaysia cukup konsisten dalam menghantar atlet terbaik ke Sukan Olimpik terutamanya dalam sukan akuatik dan olahraga. Malah, hoki juga antara sukan yang kerap disertai Malaysia sejak 1956 kecuali di Rom (1960), Seoul 1988, Athens 2004 dan Beijing 2007. Pasukan bola sepak negara mempunyai memori indah apabila dua kali berjaya layak ke temasya berprestij itu, iaitu pada 1972 dan 1980. Sementara itu, sukan badminton yang mula diperkenalkan pada 1992 dianggap sebagai lubuk utama negara untuk meraih pingat. Selain badminton, Sukan Olimpik juga menjadi pentas lahirnya legenda tanah air, seperti Datuk Dr. M. Jegathesan dan Ishiaq Mubarak dalam sukan olahraga serta Alex Lim dalam sukan renang.

Ketua Pengarah MSN, Datuk Zolkples Embong, mengakui bahawa misi merealisasikan pingat emas pertama Malaysia pada Sukan Olimpik London 2012 bukanlah sesuatu yang mustahil. Walau bagaimanapun, menurut Zolkples, impian tersebut akan menjadi kenyataan sekiranya atlet mempunyai ketahanan



Chong Wei dan Azizulhasni diramat mampu meraih pingat di Sukan Olimpik London.

mental serta kesungguhan untuk berjuang. Penjelasan beliau merujuk aksi atlet negara, seperti Chong Wei dan Azizulhasni yang sememangnya mampu menewaskan mana-mana atlet bertaraf dunia, namun belum mampu diterjemahkan di Sukan-Olimpik.

Setelah gagal di Beijing, Chong Wei sememangnya diharapkan mampu meraih emas buat negara dalam Sukan Olimpik. Mungkin satu-satunya halangan yang bakal ditempuh oleh Chong Wei pastinya daripada trio perseorangan China, yang diketuai Lin Dan bersama-sama Chen Jin dan Chen Long yang memang diakui cukup liat untuk ditewaskan.

Juara acara keirin pada Kejohanan Berbasikal Piala Dunja Klasik, Azizulhasni turut berpotensi melakukan kejutan meskipun berhadapan dengan jaguh Olimpik, seperti Chris Hoy dari Britain dan Gregory Bauge dari Perancis. Mengiringi dua orang jaguh negara itu ialah barisan pemanah negara, iaitu

Cheng Chu Sian, Haziq Kamaruddin dan Khairul Anuar Mohamad. Sementara itu, dua orang atlet penerjun kelahiran Sarawak, Bryan Nickson dan Pandelela, pula diharapkan mampu memberikan kejutan sekali gus membawa pingat buat negara.

Hakikatnya, perjuangan yang bakal dipikul oleh atlet negara dalam Sukan Olimpik merupakan kesinambungan perjuangan lampau yang dimulakan oleh atlet yang terdahulu. Meskipun tidak banyak pingat yang berjaya dibawa pulang, keringat mereka yang tumpah di pentas Olimpik tetap dihargai. Harus diingat, mengejar kilauan emas di kota London umpama mencari sinar bagi menerangi arena sukan tanah air. Ibarat dayung sudah di tangan, perahu sudah di air, harapan tersebut dinanti-nantikan oleh hampir 30 juta orang rakyat Malaysia yang tidak pernah berhenti mengharapkan kilauan emas pertama negara dalam Sukan Olimpik.